



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 23

7th November 2019

*TAMBAHAN No. 15
PERUNDANGAN*

Pg. P.U. 34.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL MENGOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN
(MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG) 2019

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang Kecil

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KOMPAUN DAN PEMBAYARAN

3. Kesalahan yang boleh dikompaun dan orang yang boleh mengkompaun
4. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

BAHAGIAN III

AM

Undang-undang Kecil

5. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN
(MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG) 2019**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(t) dan seksyen 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Pulau Pinang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) 2019**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2019.

(3) Undang-Undang Kecil ini terpakai hanya bagi kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

BAHAGIAN II**KOMPAUN DAN PEMBAYARAN****Kesalahan yang boleh dikompaun dan orang yang boleh mengkompaun**

3. (1) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82(5), 97, 99, 107, 109, 111, 140(2)(a), 160 dan 161 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil yang dibuat di bawahnya adalah kesalahan boleh dikompaun.

(2) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah perenggan (1) dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang bagi kesalahan dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

4. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan hendaklah tidak melebihi satu ribu ringgit jika kesalahan itu adalah di bawah Akta itu, atau tidak melebihi lima ratus ringgit jika kesalahan itu adalah di bawah suatu Undang-Undang Kecil.

(2) Bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 99, 107(6), 109 dan 111, jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun hendaklah tidak melebihi lima ratus ringgit jika kesalahan itu adalah di bawah Akta itu, atau tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit jika kesalahan itu adalah di bawah suatu Undang-Undang Kecil.

(3) Pembayaran wang kompaun boleh dibuat dengan wang tunai atau kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan hendaklah dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima sahaja". Pembayaran juga boleh dibuat secara bayaran atas talian atau melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(4) Pembayaran boleh dibuat oleh orang yang melakukan kesalahan pada orang yang membuat tawaran mengkompaun tersebut, tetapi jika bayaran dihantar melalui pos, ia hendaklah dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

(5) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan resit yang rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang mana kompaun itu dikeluarkan.

(6) Borang dalam Jadual Pertama boleh digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi ia boleh diubah suai sebagaimana yang perlu.

(7) Borang dalam Jadual Kedua boleh digunakan untuk menerima tawaran mengkompaun.

BAHAGIAN III**AM****Pembatalan**

5. (1) Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1977 [Pg.P.U.16] bertarikh 30 Mac 1978 adalah dengan ini dibatalkan.

(2) Apa-apa kompaun yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

